

BAB 3

METODOLOGI

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Metodologi merupakan kaedah yang digunakan untuk membuat penyelidikan. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan metodologi yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut iaitu :

- i) Sampel
- ii) Kaedah
- iii) Prosedur kajian
- iv) Analisis Data
- v) Instrumentasi

3.1 Sampel

Pemilihan sampel dilakukan di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Naim Lil-Banat, Kota Bharu. Seramai 50 orang sampel telah dipilih. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 5. Pemilihan sampel adalah secara rawak dan mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza, begitu juga dengan keupayaan atau kecerdasan pelajar. Memandangkan sekolah ini

kesemuanya pelajar perempuan, jadi keseluruhan sampel adalah pelajar-pelajar perempuan.

3.2 Kaedah dan Prosedur Kajian.

Kaedah kajian atau penyelidikan yang digunakan secara deskriptif iaitu melalui kaedah-kaedah berikut :

- i) Kepustakaan
- ii) Soal Selidik
- iii) Pemerhatian

3.2.1 Kepustakaan

Melalui kaedah ini pengkaji telah meneliti buku-buku yang berkaitan dengan penyelidikan. Selain daripada buku-buku akademik, pengkaji juga telah membuat pembacaan tesis-tesis yang berkaitan sebagai rujukan utama. Bahank-bahan tambahan yang pengkaji gunakan ialah melalui pembacaan jurnal-jurnal, majalah-majalah , akhbar-akhbar dan lain-lain bahan yang difikirkan sesuai dengan penyelidikan.

3.2.2 Kaedah Soal Selidik

Kaedah Soal Selidik merupakan punca utama, pengkaji mendapatkan bahan-bahan penulisan atau data-data. Pengkaji telah merangka soalan soal selidik yang difikirkan sesuai dan dapat menyediakan data-data yang diperlukan.

Soalan soal selidik telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

- a) Bahagian A - Merujuk kepada soalan berkaitan dengan sampel dan juga latar belakang keluarga.
- b) Bahagian B - Merujuk kepada soalan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab Tinggi dan bahasa Arab Komunikasi.

Soalan dikemukakan berdasarkan tanda (✓) dalam petak yang disediakan dan mengisi tempat kosong. (**Lihat Lampiran 3**)

3.2.3 Kaedah Pemerhatian

Bagi menyokong dan seterusnya mengukuhkan kekuatan soalan soal selidik, pengkaji telah membuat pemerhatian dalam kelas terutama cara guru

mengajar bahasa Arab Tinggi dan bahasa Arab Komunikasi. Pengkaji telah membuat pemerhatian sebanyak dua kali terhadap pengajaran guru-guru dan seterusnya membuat perbandingan dengan jawapan yang dikemukakan oleh sampel.

3.3 Prosedur Kajian

Permulaan kajian, pengkaji mula membuat rujukan terhadap kesesuaian bahan-bahan bacaan termasuklah buku-buku, jurnal-jurnal, tesis, akhbar dan bahan-bahan lain yang bersesuaian dengan penyelidikan. Pengkaji telah melakukan pengumpulan data berdasarkan kepada bahan-bahan di atas.

Peringkat kedua kajian, pengkaji telah membuat tinjauan awal di sekolah yang dipilih. Melalui soal-maklumat daripada guru-guru, pengkaji mula merangka soalan soal selidik. Melalui soalan soal selidik yang disediakan, pengkaji telah mengedarkan soalan kepada sampel yang dipilih. Penyoalan dilakukan di luar masa belajar dan segala urusan pembahagian soalan soal selidik dan segala aspek berkaitan ditadbir sendiri oleh pengkaji. Peruntukan masa ditetapkan bagi sampel menjawab soalan iaitu selama 40 minit. Soalan soal selidik diperiksa dan seterusnya diisikan ke dalam jadual-jadual yang telah disediakan bagi memenuhi segala data yang diperlukan.

3.4 Analisis Data

Data-data yang telah dikumpul melalui pemeriksaan soalan soal selidik, Pengkaji telah menganalisiskannya berdasarkan kepada rangka-rangka seperti di bawah :

- a) Persekitaran sampel
- b) Pendidikan akademik dan agama ibu bapa / penjaga
- c) Minat sampel terhadap bahasa Arab Tinggi dan bahasa Arab Komunikasi.
- d) Kebolehan ahli keluarga bertutur bahasa Arab
- e) Pemilihan sekolah dan sebab mengambil mata pelajaran bahasa Arab Tinggi dan bahasa Arab Komunikasi.
- f) Persediaan utama pemilihan bahasa Arab sebelum menghadapi peperiksaan.
- g) Penggunaan bahan-bahan mengajar oleh guru.
- h) Penggunaan bahasa semasa pengajaran
- i) Bagaimana guru mengajar
- j) Jenis kesukaran pelajar dalam menguasai bahasa Arab Tinggi dan bahasa Arab Komunikasi.

Data-data dianalisiskan berdasarkan peratusan dan perbandingan antara dua bahasa itu; bahasa Arab Tinggi dan bahasa Arab Komunikasi.

3.5 Instrumentasi

Instrumentasi yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soalan soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Melalui metodologi yang dikemukakan di atas, pengkaji berharap segala perancangan yang dirancangkan boleh dijadikan bahan berguna untuk meneruskan penulisan ini. Kesahihan data-data yang terkumpul melalui soalan soal selidik dikukuhkan lagi melalui soal-maklumat dan pemerhatian pengajaran guru.